

Permintaan Terhadap Perkhidmatan Kafe Siber: Kajian Kes di Bandar Baru Bangi

Wook Endut, Universiti Kebangsaan Malaysia
Kamalrudin Mohamed Salleh, Universiti Kebangsaan Malaysia
Fariza Ahmad, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Pertumbuhan pesat Malaysia dalam era teknologi maklumat telah mencetus bidang baru perniagaan dan pertumbuhan kafe internet atau kafe siber di merata tempat terutamanya di bandar-bandar. Kertas ini bertujuan untuk menganalisis struktur permintaan dan gelagat pengguna terhadap perkhidmatan di kafe siber. Sebanyak 480 responden yang menggunakan perkhidmatan tersebut telah dipilih secara rawak di Bandar Baru Bangi mengikut kesudian responden menjawab soalselidik. Analisis melibatkan latarbelakang responden, struktur permintaan dari segi kekerapan penggunaan dan perbelanjaan dalam sebulan, motif penggunaan dan faktor mempengaruhi pemilihan kafe siber. Didapati majoriti responden adalah golongan muda, lelaki dan berstatus pelajar kolej dan universiti kerana faktor lokasi kawasan kajian yang berdekatan dengan institusi pengajian tinggi. Motif utama penggunaan adalah untuk tujuan akademik dan faktor paling utama memilih sesuatu kafe siber adalah kelajuan pencapaian internet dan lain-lain lagi. Kajian ini tidak menunjukkan bahawa kafe siber digunakan untuk tujuan kurang berfaedah atau perkara-perkara negatif. Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi perbelanjaan di kafe siber, satu model regresi *ordered probit* telah dianggarkan. Hasil regresi model

ordered probit ini mendapati faktor jantina, pendapatan dan kekerapan mengunjung kafe siber merupakan faktor-faktor penting yang mempengaruhi perbelanjaan di kafe siber. Seterusnya dicadangkan beberapa panduan kepada pengguna, pengusaha atau usahawan kafe siber dan juga pihak berwajib untuk meningkatkan dan memajukan lagi perniagaan kafe siber supaya kafe siber dapat berfungsi sebagai agen merapatkan jurang digital dalam masyarakat.

Pengenalan

Kewujudan kafe siber di barat banyak dikaitkan dengan kebebasan bersuara kerana kedudukan internet itu sendiri sebagai medium bebas yang membolehkan warga internet membincangkan banyak isu secara bebas tanpa kawalan. Oleh itu, konsep penubuhan kafe siber memberikan kemudahan kepada penggunaan internet berinteraksi dalam satu tempat awam, menjadikan penggunaan internet bukan sahaja di universiti, tempat-tempat tertutup tertentu atau di rumah tetapi menjadikannya sebagai medan komunikasi baru seperti yang dimainkan oleh tempat awam lain seperti restoren, kedai kopi atau kafe itu sendiri.

Pengusaha kafe siber bukan sahaja menjadikan lokasinya sebagai bidang perniagaan tetapi menjadikannya sebuah tempat pertemuan warga internet dari serata

